

Kebaikan Budaya Membaca

Budaya membaca dalam masyarakat kerap menjadi bahan perbincangan ahli akademik dan pemimpin negara. Kajian menunjukkan bahawa budaya membaca dalam masyarakat masih rendah iaitu cuma beberapa helai setahun. Pada pandangan saya, isu budaya membaca ini tidak boleh (1 _____) ringan oleh masyarakat. Jika budaya membaca dalam masyarakat terus rendah, maka hasrat pemimpin negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pasti (2 _____). Sebenarnya terdapat beberapa kebaikan budaya membaca kepada masyarakat.

Kebaikan pertama budaya membaca ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Dengan membaca seseorang itu dapat menambahkan pengetahuan tentang sesuatu perkara atau dapat mengetahui peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh dunia. Hal ini (3 _____) dengan peribahasa 'Membaca Jambatan ilmu'. Sesungguhnya, terdapat banyak bahan bacaan yang boleh dibaca oleh masyarakat seperti surat khabar, majalah dan buku-buku. Oleh itu, (4 _____) ibu bapa membelikan bahan bacaan untuk keluarga pada setiap bulan supaya dapat menambahkan pengetahuan anak-anak.

Kebaikan seterusnya budaya membaca ialah dapat menambahkan (5 _____) kata. Sewaktu membaca, seseorang itu akan menemui (6 _____) baru yang belum pernah ditemui dalam pembacaan terdahulu. Biasanya istilah-istilah ini adalah dalam bidang yang melibatkan (7 _____), perubatan, teknologi dan sebagainya. Dengan perbendaharaan

kata yang banyak, seseorang akan lebih berupaya bercakap dengan lancar mengenai sesuatu perkara. Melalui aktiviti pembacaan juga, seseorang akan mudah menguasai sesuatu bahasa.

Budaya membaca juga membolehkan seseorang pelajar lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan. Seseorang pelajar akan dapat memahami sesuatu tajuk atau (8 _____) sesuatu mata pelajaran yang memerlukan pelajar banyak membaca ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Sejarah. Pelajar boleh membaca di (9 _____) sekolah, bilik belajar asrama atau di rumah. Jika pelajar dapat membaca buku sekurang-kurangnya dua jam sehari, pasti pelajar dapat lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan.

Di samping itu, budaya membaca juga membolehkan seseorang memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang (10 _____). Masa lapang ialah masa senggang antara dua pekerjaan. Masa lapang yang tidak digunakan dengan baik akan (11 _____) diri seseorang. Sebagai contoh, kita boleh membaca ketiga menunggu bas atau kereta sewa. Penggunaan masa lapang yang (12 _____) membolehkan seseorang mendapat faedah yang banyak.

Budaya membaca yang ada dalam masyarakat juga akan dapat (13 _____) negara. Hal ini kerana rakyat yang berilmu pengetahuan akan dapat (14 _____) negara dengan cepat dan cemerlang. Banyak benda baru dapat dicipta untuk kegunaan rakyat dan juga boleh dipasarkan ke luar negara. Sebagai contohnya, negara Jepun maju adalah kerana rakyatnya yang rajin membaca dan berilmu pengetahuan. Budaya membaca dalam masyarakat ini, perlu juga (15 _____)

dengan budaya menulis bahan ilmiah dalam bentuk buku dan majalah.

Sebagai kesimpulannya, budaya membaca banyak faedahnya kepada rakyat dan negara. Pada pendapat saya, budaya membaca ini perlu (16 _____) sejak pelajar di bangku sekolah rendah lagi. Oleh itu, pihak

kerajaan perlu menyediakan (17 _____) kepada rakyat untuk melakukan aktiviti pembacaan. Kempen-kempen untuk memberi (18 _____) kepada rakyat tentang kebaikan membaca perlu diteruskan dan (19 _____). Dengan mengamalkan budaya membaca, (20 _____) Malaysia menjadi negara maju pasti akan tercapai.

kandungan 1	dipelbagaikan 2	perpustakaan 3	hasrat 4	dipupuk 5
penyelidikan 6	mempujuk 7	perkataan-perkataan 8	berseuaian 9	merugikan 10
efisien 11	terganggu 12	kemudahan 13	berfaedah 14	disusuli 15
sewajarnya 16	membangun 17	perbezaan 18	kesedaran 19	dipandangkan 20